

AKTA KASTAM 1967
PERATURAN-PERATURAN KASTAM (FI LESEN IMPORT
KENDERAAN BERMOTOR) (PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 142(15) dan 142(28) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Fi Lesen Import Kenderaan Bermotor)(Pindaan) 2010**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Kastam (Fi Lesen Import Kenderaan Bermotor) 2009 [*P.U.(A)491/2009*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 2 peraturan yang berikut:

"Bayaran ansuran

2A. (1) Ketua Pengarah boleh membenarkan fi lesen import yang dikenakan di bawah subperaturan 2(1) dibayar secara ansuran.

(2) Bayaran ansuran bagi fi lesen import yang dikenakan hendaklah dibuat mengikut cara yang berikut:

(a) pemegang lesen import hendaklah membayar sebanyak lima ribu ringgit yang pertama untuk setiap lesen import

yang dikeluarkan menurut subperaturan 2(1) bagi setiap unit kenderaan bermotor; dan

(b) baki bagi fi lesen import yang dikenakan untuk setiap lesen import bagi setiap unit kenderaan bermotor hendaklah dibayar—

(i) sekiranya kenderaan bermotor yang diimport dijual dalam tahun semasa, sebelum pendaftaran kenderaan bermotor itu di Jabatan Pengangkutan Jalan; atau

(ii) sekiranya kenderaan bermotor yang diimport tidak dijual dalam tahun semasa, sebelum tamatnya tempoh sah lesen import bagi tahun semasa yang diperuntukkan kepada setiap pemegang lesen import.

(3) Sekiranya berlaku kemungkiran dalam bayaran di bawah subperenggan 2A(2)(b) pada tarikh bayaran itu genap masanya dan kena dibayar, keseluruhan baki yang tertunggak sebanyak lima ribu ringgit bagi setiap lesen import yang dikeluarkan hendaklah menjadi genap masanya dan kena dibayar pada tarikh itu dan, tanpa apa-apa notis selanjutnya disampaikan, pemegang lesen import itu atau orang yang bertanggung membayar amaun yang kena dibayar itu hendaklah, apabila disabitkan dikenakan denda, suatu amaun yang tidak kurang daripada dua ribu lima ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit bagi setiap lesen import yang dikeluarkan.”

Pindaan peraturan 3

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam peraturan 3 dengan memasukkan selepas perkataan “subperaturan 2(1)” perkataan “dan 2A(2)”.

Pindaan peraturan 4

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam peraturan 4 dengan memasukkan selepas perkataan “subperaturan 2(1)” perkataan “dan 2A(2)”.

Pindaan Jadual

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual-

(a) dengan memasukkan selepas butiran 98 butiran yang berikut:

(1) Bil./ No.	(2) Nama Syarikat/ <i>Name of Company</i>	(3) No. Pendaftaran SSM/ <i>SSM Registration No.</i>
99.	Mulia Motor Corporation Sdn. Bhd.	65578-X”;

(b) dalam ruang (2) butiran 5, dengan menggantikan perkataan “Damaz Sdn. Bhd.” dengan perkataan “Dakmaz Sdn. Bhd.”;

(c) dalam ruang (2) butiran 13, dengan menggantikan perkataan “Impul Auto (M) Sdn. Bhd.” dengan perkataan “Safz Auto Sdn. Bhd.”

- (d) dalam ruang (2) butiran 15, dengan menggantikan perkataan “K.S.S Otomobile (M) Sdn. Bhd.” dengan perkataan “K.S.S Otomobil (M) Sdn. Bhd.”;
- (e) dalam ruang (2) butiran 32, dengan menggantikan perkataan “Ruppee Interprise Sdn. Bhd.” dengan perkataan “Ruppee Enterprise Sdn. Bhd.”;
- (f) dalam ruang (2) butiran 33, dengan menggantikan perkataan “Sandra Motor Sdn. Bhd.” dengan perkataan “Sadra Motor Sdn. Bhd.”;
- (g) dalam ruang (2) butiran 37, dengan menggantikan perkataan “Sri Ghanggong Sdn. Bhd.” dengan perkataan “Sri Changgong Sdn. Bhd.”;
- (h) dalam ruang (2) butiran 47, dengan menggantikan perkataan “Ub Motor Sdn. Bhd.” dengan perkataan “UB Motor Sdn. Bhd.”;
- (i) dalam ruang (2) butiran 56, dengan menggantikan perkataan “Zaiba Motor Sdn. Bhd.” dengan perkataan “Zaibi Motor Sdn. Bhd.”;
- (j) dalam ruang (2) butiran 67, dengan menggantikan perkataan “Syarikat Falida Motors Sdn. Bhd.” dengan perkataan “Syarikat Falida Motor (S) Sdn. Bhd.”;
- (k) dalam ruang (2) butiran 71, dengan menggantikan perkataan “Adabi Motors Sdn. Bhd.” dengan perkataan “Abadi Motors Sdn. Bhd.”;

(l) dalam ruang (2) butiran 72, dengan menggantikan perkataan “A&Z Motor Sdn. Bhd.” dengan perkataan “A&Z Motors Enterprise Sdn. Bhd.”;

Dibuat 2010

[Sulit KE.HT(96)899/02; Perb.CR(8.09)294/6/4-9(SJ.9)(2010)(SK.1)A;
PN(PU2)338/XXVIII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua